

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 September 2015

1MDB akan terus beri maklum balas kepada Dr. Mahathir

um-27/9/2015

KUALA LUMPUR 26 Sept. - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) berkata, ia komited untuk terus menyediakan maklum balas kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membantu bekas Perdana Menteri itu mengingatkan kembali jawapan berasaskan fakta yang diberikan sebelum ini.

1MDB berkata, Dr. Mahathir "terus mengguna dan mengitar semula dakwaan basi dan tidak terbukti yang telah dibuktikan salah berulang kali."

"Sebagai contoh, sebelum ini Tun Dr. Mahathir mendakwa sejumlah RM42 bilion lesap daripada 1MDB. Sekarang beliau mendakwa lebih RM20 bilion tidak dapat dike-san atau diambil kira.

"Untuk kebaikan Tun Dr. Mahathir, satu pecahan menyeluruh akan bagaimana 1MDB menggunakan hutang RM42 bilion itu - berasaskan penyata kewangan yang telah diaudit syarikat - boleh dilihat menerusi <http://1mdb.com.my/press-release/rm42-billion-all-accounted-for>," kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

Kenyataan itu dikeluarkan 1MDB susulan catatan berkaitan 1MDB oleh bekas pemimpin politik berkenaan yang dipapar menerusi laman blog beliau pada 25 September.

"Berhubung tanah 1MDB, dengan mudahnya Tun Dr. Mahathir lupa bahawa 1MDB dimiliki 100 peratus oleh kerajaan Malaysia,

justeru sebarang peningkatan nilai akan memberi manfaat secara langsung hanya kepada kerajaan.

"Selain memetik sebut harga tanah yang jauh lebih rendah pada RM3,000 satu kaki persegi sekarang (berbanding RM7,000 sekaki persegi dalam dakwaan beliau sebelum ini), Tun Dr. Mahathir lupa untuk mengakui bahawa 1MDB telah membuat komitmen sebanyak RM3 bilion bagi pembangunan infrastruktur di TRX.

"Ini menyamai sekitar RM1,500 perbelanjaan infrastruktur untuk satu kaki persegi, dibayar oleh 1MDB dan seterusnya diperoleh semula menerusi penjualan tanah," kata 1MDB. - BERNAMA